

< Go back to Article Page

[Print Article](#)

Temasya bakal jadi lebih meriah

BERITA HARIAN, 9 May 2005, Page 15

Temasya bakal jadi lebih meriah

Johor dan Riau usul sertakan sepak takraw, bola tampar dan tenis meja

KEJOHANAN PENCAK SILAT SIJORI

oleh

Mohd Sani Ali

KEJOHANAN Pencak

Silat Sijori mungkin lebih hebat dan meriah pada tahun-tahun mendatang.

Ini menyusuli usulan Johor dan Kepulauan Riau untuk menyertakan acara sepak takraw, bola tampar dan tenis meja dalam kejohanan akan datang.

Penyelaras Persatuan Sukan Negeri (MSN) Johor, Ismail Haji Ahmad, berkata usul itu dibentangkan dalam satu mesyuarat sebelum Kejohanan Pencak Silat Sijori di Tanjung Pinang pada bulan lalu.

“Ini hanya pada peringkat rancangan. Kami berhasrat meluaskan lagi kejohanan pencak silat ini kepada kejohanan sukan tiga penjuru,” jelas Ismail, yang ditemui di pejabatnya di Johor Bahru kelmarin.

“Bagi memastikan persaingan lebih meluas dan sama rata, semua anggota skuad nasional tidak diberi narkar turut serta.”

Menurut Ismail, antara pengasas Kejohanan Pencak Silat Sijori empat tahun lalu, beliau sedang melakarkan kertas kerja yang akan dibentangkan kepada pasukan-pasukan yang akan terlibat dalam kejohanan itu nanti.

Wakil Jawatankuasa Olimpik Nasional Indonesia (Koni) dari Tanjung Pinang, Raja Rasfiardi, ketika dihubungi, mengesahkan rancangan itu.

“Pencak silat tetap menjadi sukan utama. Kami hanya mengusulkan agar sepak takraw, bola

tampar dan tenis meja disertakan untuk memeriahkan lagi suasana kejohanan," tambah Raja Rasfardi.

Beliau juga berharap dengan adanya kejohanan tersebut, hubungan antara warga ketiga-tiga negara itu akan menjadi bertambah erat lagi.

"Kemungkinan tuan rumah pertama kejohanan sukan ini akan diberikan kepada Kabupaten Kepulauan Riau (KPRI) di Pekan Baru," kata wakil Koni itu lagi.

Pada masa yang sama, Ismail turut menyatakan bahawa pihaknya akan menghubungi Majlis Sukan Singapura (SSC) bagi mengatur perbincangan mengenai usul itu tidak lama lagi.

Beliau berpendapat, kejohanan tersebut dijangka berupaya meningkatkan kesinambungan latihan para atlit serta mutu sukan di kalangan skuad pelapis ketiga-tiga negara peserta.

DI PERINGKAT RANCANGAN

"Ini hanya pada peringkat rancangan. Kami berhasrat meluaskan lagi kejohanan pencak silat ini kepada kejohanan sukan tiga penjuru."

— Ismail Haji Ahmad,
Penyelaras Persatuan
Sukan Negeri Johor.



ISMAIL: Akan hubungi SSC untuk bincangkan usul itu.